

24/06/2002

Pak Lah dijangka umum perkara penting esok

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijangka membuat satu pengumuman penting selepas mesyuarat khas Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini Selasa ini.

Beliau juga akan memanggil mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) secepat mungkin bagi memberi penjelasan mengenai perkembangan terkini yang berlaku dalam Umno ekoran pengumuman mengejut Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletakkan jawatan sebelum bersetuju menarik balik semalam.

Timbalan Presiden Umno berkata, adalah penting semua rakan komponen lain diberi penjelasan mengenai pengumuman mengejut itu supaya tidak timbul sebarang kekeliruan dan andaian tidak baik.

Katanya, beliau akan mengarahkan supaya Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat, mendapatkan tarikh sesuai untuk mesyuarat itu, yang perlu diadakan secepat mungkin.

Bercakap kepada pemberita selepas melancarkan perkhidmatan KLIA Transit di Bandar Tasik Selatan di sini, hari ini Abdullah berkata Dr Mahathir sendiri bersetuju supaya beliau menemui Dewan Tertinggi BN mengenai perkara itu.

Perdana Menteri menyatakan persetujuan itu ketika Abdullah menghantarnya untuk bercuti ke luar negara di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia, Subang pagi ini.

"Beliau tidak membantah keputusan yang telah kita ambil untuk memberi penjelasan dan penerangan kepada ahli Umno pada peringkat bahagian dan cawangan.

"Pengerusi Badan Perhubungan Umno sudah diamanahkan untuk menyampaikan maklumat dan penerangan mengenai perkara itu (keputusan PM menarik balik peletakan jawatan selepas dipujuk oleh MT)," katanya.

Sementara itu, pengumuman Abdullah Selasa ini adalah hasil perbincangan serta 'mesej penting' Dr Mahathir kepada jawatankuasa pengurusan Umno dalam pertemuan yang diketuai Abdullah di Putrajaya, pagi ini.

Antara yang hadir dalam pertemuan itu ialah tiga Naib Presiden - Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib; Setiausaha Agung, Tan Sri Khalil Yaakob; Ketua Penerangan, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob; Ketua Wanita, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Ketua Pemuda, Datuk Hishammuddin Hussein.

Megat Junid ketika dihubungi berkata, ia adalah satu pengumuman penting dan biarlah diumumkan sendiri oleh Abdullah selaku Timbalan Presiden Umno selepas mesyuarat khas MT Selasa ini.

"Kami mengadakan perbincangan panjang lebar dengan Dr Mahathir sebelum beliau berlepas ke luar negara pagi ini. Saya tidak boleh memberitahu apakah perbincangan itu, biarlah Pak Lah mengumumkannya nanti.

"Cuma saya boleh beritahu ialah Dr Mahathir menasihatkan kami semua supaya bekerjasama sebagai satu pasukan dalam Umno. Perdana Menteri turut berkata supaya kami jangan bimbang "kerana saya (Dr Mahathir) akan bersama anda semua'," katanya.

Sementara itu, Muhammad berkata jawatankuasa pengurusan itu diamanahkan secara lisan oleh MT malam tadi untuk berbincang dengan Dr Mahathir di Putrajaya pada jam

9 pagi ini.

"Hasil pertemuan itu akan dibincang lanjut pada mesyuarat khas MT Selasa ini dan selepas mesyuarat itu, Pak Lah akan membuat pengumuman," katanya yang juga enggan memberitahu apakah perkara penting yang akan diumumkan

nanti.

Ditanya sama ada Dr Mahathir memberikan sebarang amanat kepada mereka dalam pertemuan itu, Muhammad berkata beliau ada menasihatkan supaya menjaga Umno dengan baik.

"Mood Dr Mahathir adakah lebih ceria hari ini berbanding semalam dan sekali-sekala senyum. Seperti biasa dia memang segak dan memakai kot kerana hendak berlepas ke luar negara," katanya.

(END)